

Alumni Bantu Rakan Kritikal Kanser Usus

Oleh Nurain Fauzie (1180056)

NIBONG TEBAL: Alumni Tingkatan Enam Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Syed Sheh Barakbah (SMKTSSB), mengambil inisiatif menghulurkan sumbangan kepada bekas rakan yang kini bertarung menghadapi kanser usus tahap empat di Taman Sungai Duri, semalam.

Pengerusi Persatuan Pengajian Perniagaan (PENPER), Nur Ain Arifin, berkata bantuan tersebut merupakan hasil kutipan sumbangan ikhlas daripada Alumni Tingkatan Enam SMKTSSB, guru-guru serta orang ramai kepada pesakit, Nazirul Nafiz, bagi meringankan beban keluarganya.

Selain itu, difahamkan bahawa sebahagian daripada usus Nazirul telah dibuang pada 12 Oktober lalu ekoran daripada kanser yang dihadapinya sudah mencapai tahap kritikal.



Nur Ain Arifin bersama rakan-rakannya menghulurkan bantuan berbentuk wang tunai kepada ibu Nazirul. –Gambar hiasan

Prihatin terhadap penderitaan yang dialami rakan, Nur Ain memaklumkan kepada alumni untuk membuat poster infaq sekali gus melancarkan program kutipan dana secara atas talian.

Hal demikian kerana, ibu bapa Nazirul tidak mempunyai pendapatan yang kukuh untuk menampung kos rawatan pembedahan di samping perlu menyara empat orang adiknya yang masih bersekolah.

Ibu kepada Nazirul, Shahida, berkata, beliau menerima panggilan daripada pihak PENPER bertanyakan tentang keadaan anaknya serta meminta kebenaran terlebih dahulu sebelum melancarkan program kutipan dana melalui akaun persatuan mereka.

**ALUMNI TINGKATAN 6
SMK TUN SYED SHEH
BARAKBAH (2016-2017)**

SUMBANGAN IKHLAS

**Pada 12 Oktober 2020, sahabat kita,
Nazirul Nafiz telah dimasukkan ke
hospital bagi menjalani pembedahan.
Doktor mengesahkan beliau menghidap
kanser dan sebahagian daripada usus
besar beliau telah dibuang. Sumbangan
diperlukan bagi meringankan beban
Nazirul dan keluarganya.**

AmBank 8881012615897
ARISHIA HAFIRAH BINTI YAACOB

Sebarang Pertanyaan:
- Nur Ain (017-4661487)
- Arishia (017-4145707)
- Farah (011-21708363)

Recipient Reference:
Infaq untuk Nazirul

**TERIMA KASIH DIATAS SUMBANGAN ANDA. SEMOGA KEBAIKAN
ANDA DIBALAS DENGAN BERLIPAT KALI GANDA.**

Poster program kutipan dana kepada Nazirul Nafiz – Gambar hiasan

“Syukur dalam masa tiga hari jumlah dana yang diperoleh adalah RM 4,000 dan kami serahkan kepada keluarga Nazirul keesokan harinya,” Kata Nur Ain.

“Walaupun ada yang mempertikaikan kesahihan tentang penyakit yang dihadapi Nazirul, kami tidak berputus asa, malahan kami berikan bukti perubahan fizikal Nazirul serta surat pengesahan doktor” Jelasnya lagi.

Setelah mendapat kebenaran polis, PENPER berjaya menghulurkan sumbangan di rumah Nazirul pada masa yang sama, mematuhi prosedur operasi standard (SOP).